JAWATAN KOSONG

POST OF LEARNING INNOVATION AND INFORMATION SPECIALIST

Sukacita memaklumkan bahawa pihak Sekretariat SEAMEO telah mengiklankan tawaran jawatan kosong bagi ***Post of Learning Innovation and Information Specialist*** di Sekretariat SEAMEO. Jawatan ini dibukakan kepada individu yang mempunyai pengalaman dalam latihan dan pembangunan inovasi serta penghasilan dan pelaksanaan program pembangunan kapasiti dan pengintegrasian teknologi dalam Pendidikan.

Sehubungan itu, mana-mana pegawai yang berjaya dipilih untuk mengisi jawatan berkenaan perlulah menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atau memohon cuti tidak bergaji selama tempoh berkhidmat di SEAMES. Kebenaran mengenainya adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya.

Bersama ini disertakan maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, borang permohonan dan dokumen-dokumen berkaitan seperti terma dan syarat, keistimewaan dan peraturan bagi kakitangan SEAMES untuk rujukan.

Calon-calon yang berminat bolehlah menghadapkan borang yang telah lengkap diisikan bersama dokumen-dokumen yang diperlukan **tidak lewat daripada 22 Mac 2025** ke alamat berikut:

Bahagian Perhubungan Antarabangsa
Tingkat 2, Blok A,
Bangunan Lama Kementerian Pendidikan
Jalan Airport Lama, Berakas Negara Brunei Darussalam